KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JABATAN HUTAN SARAWAK			

Pemburu buaya berlesen tangani kes serangan reptilia

Kota Samarahan: Kehadiran pemburu buaya berlesen membantu pihak berkuasa menangani kes serangan buaya di sungai yang direkodkan mempunyai jumlah populasi tinggi reptilia terbabit seperti di Samarahan, Sarawak.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I Sarawak Forestry Corporatin (SFC) Oswald Braken Tisen berkata, hasil kajian dilakukan di sepanjang 83 kilometer Sungai Samarahan dan Sungai Tuang pada 2021 mendapati, 324 buaya ditemui di sungai berkenaan.



OSWALD

Katanya, jumlah itu menjadikan populasi buaya di sungai berkenaan berkepadatan kira-kira empat buaya untuk setiap kilometer.

"Di Samarahan, terdapat dua sungai iaitu Sungai Samarahan serta Sungai Tuang yang mempunyai jumlah populasi buaya yang tinggi. Di lokasi ini, aktiviti menangkap buaya yang mengancam manusia adalah dibenarkan.

"Mengikut Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998, buaya yang mengancam nyawa manusia boleh ditangkap dan dibunuh. Namun, tindakan itu harus dibuat mengikut lunas undang-undang ditetapkan," katanya dihubungi.

Oswald Braken berkata, tiga lesen untuk tujuan memburu buaya di Sungai Samarahan dikeluarkan pada 2021 dengan kuota 15 buaya secara keseluruhan.

"Berdasarkan rekod, 15 buaya ditangkap oleh pemegang lesen sepanjang 2021 di Samarahan," katanya.

Katanya, ada beberapa kriteria ditetapkan pihaknya untuk jadi pemburu buaya.

"Antara kriteria yang ditetapkan adalah warga tempatan dengan keutamaan diberi kepada pemburu berpengalaman dan penduduk setempat.

"Individu yang mahu memohon lesen menjadi pemburu buaya perlu mengisi borang permohonan yang lengkap. Lesen akan diberikan berdasarkan kuota bagi setiap sungai," katanya.

Kata beliau, pemburu buaya berlesen perlu mematuhi beberapa peraturan ditetapkan SFC.

"Untuk pengetahuan umum, tidak semua buaya boleh ditangkap dan hanya buaya yang mengancam nyawa manusia boleh ditangkap. Buaya yang ditangkap juga haruslah buaya dewasa, bukannya buaya kecil.

"Semua pemburu buaya juga diberi latihan dan dipantau oleh pakar kami dalam setiap operasi dijalankan mereka," katanya.

HM 17.1.2022_6